



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

NRES WUJUD PELAN TINDAKAN CAPAI SASARAN PENGURANGAN PELEPASAN GAS RUMAH KACA

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menghasilkan Pelan Tindakan dan panduan pelaksanaan untuk memastikan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) di bawah Perjanjian Paris tercapai menerusi *Nationally Determined Contribution (NDC Roadmap and Action Plan – NDC RAP)* serta Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (*Long-Term Low Emissions Development Strategies – LT-LEDS*).

Dokumen NDC RAP merangkumi strategi bagi pelaksanaan tindakan bagi mencapai sasaran pengurangan pelepasan GHG Malaysia pada tahun 2030. Manakala, LT-LEDS Malaysia pula mengandungi unjuran pelepasan GHG sehingga tahun 2050, strategi dan langkah mitigasi bagi menyokong aspirasi Malaysia untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih menjelang tahun 2050.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah melancarkan Pelan Tindakan dan Hala Tuju NDC RAP serta LT-LEDS Malaysia semasa Majlis Apresiasi dan Hebahan *Biennial Transparency Report* Pertama (BTR1) Malaysia pada 6 Mei 2025 bertempat di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur.

Kedua-dua dokumen NDC-RAP dan LT-LEDS adalah bersifat 'living documents' dan akan dikemas kini dari masa ke semasa berdasarkan perkembangan dan hala tuju berkaitan perubahan iklim di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. NRES berharap dokumen NDC RAP dan LT-LEDS dapat menjadi rujukan oleh pemegang taruh berkaitan dalam merangka pelaksanaan tindakan yang terangkum bagi menangani isu perubahan iklim dan menyumbang kepada pembangunan rendah karbon dan berdaya tahan iklim di Malaysia.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
20 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

